



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 30 JUN 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DUA BOT 'HANTU' VIETNAM DITAHAN, SINAR NEGERI TERENGGANU/SELANGOR/KL/P.PINANG/MELAKA, SH -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN 50 MADA, NASIONAL, SH -13	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3.	SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN 50 MADA, NASIONAL, SH -18	
4.	MADA PENERAJU INDUSTRI PADI MALAYSIA, SH -16	
5.	MBI TAWAR 240 JAWATAN PEMBANTU AWAM, SINAR NEGERI JOHOR/PERAK/N.SEMBILAN, SH -21	LAIN-LAIN
6.	TINDAKAN INIUKSI, GANTI RUGI, NASIONAL, SH -18	
7.	DULU REMPIT KINI TAUKE TEBU, LOKAL, HM -8	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI TERENGGANU/ SELANGOR/ P. PINANG/ MELAKA	22

Dua bot 'hantu' Vietnam ditahan

Penahanan babitan rampasan bernilai hampir RM2 juta

Oleh RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Agenси Pengurutkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan dua buah bot nelayan 'hantu' bersama 27 nelayan Vietnam di dua lokasi berasingan iaitu antara 100 dan 101 batu nautika dari Kuala Terengganu ke luar.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kapten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, kedua-dua bot ini dipanggil bot 'hantu' kerana memiliki nombor pendaftaran yang mencurigakan selain nombor pendaftaran juga sudah dipadam.

Katanya, pemeriksaan ke atas kedua-dua bot mendapat terdapat 27 nelayan

FOTO: HSAN/APMM TERENGGANU



Dua bot 'hantu' milik nelayan Vietnam yang ditahan APMM kelmatin.

Op Khas Naga Barat. "Dua bot bersama semua nelayan yang ditahan dibawa ke jeti APMM Terengganu untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia dan Akta Imigresen kerana tekong dan kru tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Muhammad Suffi berkata, tindakan menangkap dan menahan bot nelayan asing dikuatkuasakan semula APMM sebagai alat pengurusan yang dibuat Ketua Pengarah APMM, Laksamana Maritim Datuk Mohd Zubil Mat Som pada 24 Jun lalu.

Katanya, tindakan itu diambil berikutan pengusiran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak memberi kesan kepada nelayan asing.

Sebarang maklumat dan salah laku yang berlaku di perairan negara boleh dibuat dengan menghubungi talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi) Maritim Negeri Terengganu.

Vietnam dan kesemua mereka tidak memiliki sebarang dokumen yang sah. "Semua nelayan termasuk tekong yang berumur antara 18 hingga 50 tahun

ditahan bersama hasil tangkapan laut diesel, bot dan peralatan menangkap ikan dengan rampasan dianggarkan bermula hampir RM2 juta ketika rondaan asing.

"Semua nelayan termasuk tekong yang berumur antara 18 hingga 50 tahun

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
30/6/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	SURAT
		13	

Selamat Menyambut Ulang Tahun



Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
"MADA - Nadi Jelapang Padi Negara"

Ikhlas daripada

Pengerusi, Ahli Jemaah Pengarah dan Seluruh Warga Kerja
Pertubuhan Peladang Kawasan MADA AIV Batas Paip
Pertubuhan Peladang Kawasan MADA BIV Pengkalan Kundur
Pertubuhan Peladang Kawasan MADA CIV Kang Kong
Pertubuhan Peladang Kawasan MADA DIV Permatang Buluh
Pertubuhan Peladang Kawasan MADA EIV Bukit Besar
Pertubuhan Peladang Kawasan MADA FIV Sungai Limcu
Pertubuhan Peladang Kawasan MADA GIV Guar Chempedak

Tindakan injuksi, ganti rugi

Harumanis Perlis telah didaftar sebagai Petunjuk Geografi pada 2 Ogos 2011

Oleh ZUBIR SULAIMAN

SHAH ALAM

Pengusaha tanaman mangga harumanis yang menggunakan nama harumanis selain di Perlis bakal berdepan tindakan mahkamah di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000.

Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia



MOHD ROSLAN

(MyIPO), Datuk Mohd Roslan Mahayudin berkata, mangga harumanis Perlis (Klon MA 128) telah didaftarkan sebagai Petunjuk Geografi pada 2 Ogos 2011 atas nama Jabatan Pertanian Perlis.

Menurutnya, perkataan harumanis telah dicipta dan diwujudkan oleh komuniti negeri berkenaan dan mangga harumanis Perlis adalah Petunjuk Geografi yang dilindungi di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000.

"Sekiranya ada pihak yang mendakwa buah mangga yang dihasilkan sebagai mangga harumanis Perlis atau mangga harumanis sedangkan buah mangga tersebut dihasilkan di tempat



Keratan
Sinar
Harian
semalam.

lain seperti di Kedah, Kelantan dan sebagainya, maka tindakan injuksi dan ganti rugi boleh diambil oleh manapun pihak di bawah seksyen 5 Akta Petunjuk Geografi jika memberi gambaran yang tidak benar berkaitan produk petunjuk geografi tersebut," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas gesaan Persatuan Pengusaha Harumanis

Perlis yang meminta negeri lain selain Perlis tidak menggunakan jenama harumanis untuk mempelam yang diusahakan mereka.

Mengulas lanjut, Mohd Roslan berkata, walaupun harumanis termaktub di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000, namun tidak menjadi kesalahan jika spesis mangga klon MA 128 itu ditanam atau dihasilkan di tempat selain Perlis.

Kerajaan jamin berlaku adil

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan memberi jaminan akan berlaku adil kepada semua negeri walaupun berada di bawah pimpinan pembangkang sebagai usaha menjana semula ekonomi negara susulan impak penularan pandemik koronavirus (Co-vid-19).

Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, tidak timbul perbezaan ideologi politik dalam isu pembangunan ekonomi kerana ia merupakan tanggungjawab bersama terutama ketika pasca Co-vid-19.

"Kita ketepikan politik. Ini adalah masanya kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri perlu berganding bahu untuk menangani cabaran yang dihadapi semasa Perintah Kawalar Pergerakan (PPR) dan Covid-19."

"Sangat penting bagi kerajaan Persekutuan dan negeri untuk saling bekerjasama," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) Selangor di sini semalam. - Bernama

Selamat Menyambut Ulang Tahun



Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

"MADA - Nadi Jelapang Padi Negara"

Ikhlas daripada

Ahli Jemaah Pengarah Dan Seluruh Warga Kerja

Pertubuhan Peladang Kawasan HARAPAN MEWAH MADA A-I ARAU

Pertubuhan Peladang Kawasan MUDA SEPAKAT MADA B-I KAYANG

Pertubuhan Peladang Kawasan BAHAGIA MADA C-I KANGAR

Pertubuhan Peladang Kawasan SETIA JAYA MADA D-I TAMBUN TULANG

Pertubuhan Peladang Kawasan JAYA DIRI MADA E-I SIMPANG EMPAT

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2020	SINAR HARIAN	SAMBUTAN JUBLI EMAS ULANG TAHUN KE-50 PENUBUHAN MADA	16

Kawasan Muda di Kedah dan Perlis muncul sebagai jelapang padi nasional negara

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang telah dirasmikan penubuhannya oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Hussien yang ketika itu pemangku Perdana Menteri pada 30 Jun 1970 di Balai Besar, Alor Setar adalah langkah kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk desa dan meningkatkan hasil negara.

Kini, selepas 50 tahun penubuhan MADA, perubahan yang diketengahkan oleh institusi itu menampakkan kejayaan yang amat memberangsangkan apabila kawasan Muda di negeri Kedah dan Perlis muncul sebagai jelapang padi nasional negara.

Sebanyak 38 sehingga 43 peratus bekalan padi datangnya daripada kawasan berkenaan yang sebahagian besarnya adalah hasil usaha komitmen tinggi MADA sendiri.

Semasa MADA ditubuhkan, 72 peratus petani yang mengusahakan sawah padi berada di bawah paras kemiskinan, namun kini angkanya dapat di-turunkan kepada paras bawah satu peratus sahaja dan ia adalah salah satu transformasi sosioekonomi yang berjaya diterjemahkan secara fakta.

Kawasan Muda merupakan kawasan penanaman padi yang terbesar dan terpenting di Malaysia kerana melibatkan keluasan fizikal sebanyak 130,282 hektar, manakala keluasan pasel padi pula melibatkan 100,685 hektar yang diusahakan oleh kira-kira 57,635 orang peladang.

Kawasan berkenaan melibatkan empat wilayah iaitu wilayah 1 Perlis, wilayah 2 Jitra, wilayah 3 Pendang dan wilayah 4 Kota Sarang Semut. Kesehumpa-



Selliran dan pengakaran air yang baik dilurukan oleh MADA telah membantu golongan petani untuk penanaman padi dua kali setahun.

wilayah itu menyelia sebanyak 27 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Padi adalah makanan rujि rakyat Malaysia dan sebab itulah industri tersebut sentiasa mendapat perhatian serta diberikan layanan yang agak istimewa kerana kepentingannya dari segi sosial, politik dan juga ekonomi setempat serta negara.

Peranan

Usaha kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Pertama (RMK-1) menubuhkan MADA dan membina dua empangan untuk pengairan di hulu Lembangan Muda iaitu Empangan Muda dan Empangan Pedu menyaksikan masyarakat, khususnya kehidupan petani di kawasan berkenaan berubah secara drastik.

Rancangan Pengairan Muda (RPM)

telah mula dilaksanakan pada April 1966 di bawah RMK-1 yang merangkumi keluasan keseluruhan 96,558 hektar dengan kos sebenar berjumlah RM245 juta dengan RM114.6 juta diperlukan kos tersebut dibayai oleh Bank Dunia, sementara baki kos sebanyak RM110.3 juta dibayai kerajaan Malaysia. Ia adalah projek pembangunan terbesar di Asia yang pernah dilaksanakan pada tahun 1960-an.

Hasilnya, musim padi yang dahulunya diusahakan sekali setahun kini boleh ditanam dua kali setahun, sekali gus menyaksikan purata hasil padi tahunan meningkat daripada hanya 3.37 tan sehektar setahun kepada antara 10 hingga 12 tan sehektar setahun (lima tan sehektar semusim hingga enam tan sehektar semusim).

Revolusi teknik penuaan juga turut

berubah bagi membantu golongan petani memperoleh hasil padi dengan lebih cepat kerana menggunakan mekanisasi dan jualan padi secara pulak berbanding dahulu yang kebiasaan penuaan menggunakan kaedah tradisi seperti mengetas dan mengerat serta jualan dibuat menggunakan guni.

Varieti

Pengenalan varieti padi baharu turut membantu mempercepatkan tempoh matang padi seperti varieti MARDI Siraj 297 yang mengambil masa 105 sehingga 115 hari dan MR 220 CL2 (97 sehingga 113 hari), berbanding jenis padi tradisional seperti Malinja (137 sehingga 147 hari) dan Bahagia (137 sehingga 145 hari).

Menurut data-data yang dikaji MADA, peningkatan pendapatan petawang juga menunjukkan peningkatan memberangsangkan sejak penubuhan MADA sehingga hari ini.

Sebelum penubuhan MADA, pendapatan bersih tahunan seisi rumah petani adalah sebanyak RM1,092 iaitu RM892 melibatkan hasil pertanian dan sebahagian hasil bukan pertanian yang dilakukan secara tidak langsung untuk menambah pendapatan mereka pada tahun 1966.

Namun, hasil peranan yang dimainkan MADA, pendapatan tahunan mereka berjaya ditingkatkan kepada RM4,000 setahun pada 1975 dan selepas lebih 48 tahun iaitu pada 2018, jumlah pendapatan bersih petani terus meningkat kepada RM33,827 setahun.

Kesannya, penubuhan MADA berjaya mengurangkan kadar kemiskinan khususnya dalam kalangan petani kawasan Muda, sekali gus meningkatkan kesejahteraan hidup, pendapatan yang baik dan mampu memiliki rumah yang selesa.



Kawasan tanaman padi di bawah selliran MADA telah menghasilkan 38 peratus sehingga 43 peratus bekalan makanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2020	SINAR HARIAN	SAMBUTAN JUBLI EMAS ULANG TAHUN KE-50 PENUBUHAN MADA	17



Perasmian Empangan Pedu yang diaempurnakan oleh Aliahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1969.

Kajian oleh ahli akademik pada tahun 2012 mendapati hampir semua petani memiliki rumah sendiri, bekalan air paip dan elektrik, peti ais serta televisyen dan rata-rata mereka mengakui selesa dengan tahap sosiokonomi sekarang berbanding 50 tahun yang lalu.

Sumbangan

Pada tahun 1960-an sehingga 1970-an, kerajaan telah merangka pelbagai program untuk mencapai 100 peratus tahap sara diri dengan melakukan pelbagai strategi berdasarkan pengeluaran, pembinaan kemudahan pengairan, insentif kemudahan kredit pada kadang yang rendah dan pembangunan infrastruktur pengairan serta saliran.

Usaha itu dilakukan bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber bahan beras yang diimport dari luar negara dan terkini Dasar Agro Makanan Negara (DAN) yang ditetapkan dari tahun 2011 sehingga 2020 perlu ditingkatkan sehingga 70 peratus.

Ia mula menampakkan hasil apabila pada 2013, penilaian sasaran tersebut berjaya dicapai sebanyak 72.5 peratus iaitu melebihi 2.5 peratus sasaran asal yang ditetapkan DAN.

Kejayaan itu turut dibantu oleh kawasan Muda yang menyumbang sebanyak 36 peratus dan ia adalah sumbangan terbesar MADA berbanding kawasan jelapang padi yang lain di seluruh Malaysia.

Ia juga adalah kejayaan daripada langkah susulan sebelum itu iaitu melalui Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998-2010) yang dirangka dan sasaran yang telah ditetapkan pada tempoh tersebut adalah sebanyak 65 peratus.

Pelbagai cabaran telah dikenalpasti bakal menggugat usaha yang telah dirancang untuk mengoptimalkan hasil keluaran MADA, antaranya petani yang berumur purata



Aliahyarham Tun Abdul Razak, pemangku Perdana Menteri pada ketika itu mengamalkan MADA pada 30 Jun 1970.

60 tahun ke atas. Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) adalah salah satu langkah untuk menangani cabaran tersebut.

Petani merupakan tulang belakang industri makanan negara dan kerajaan melalui MADA mahu terus meningkatkan taraf hidup golongan berkenaan melalui agenda PPSB yang digerakkan pada tahun 2020 dengan fokus kepada tiga kelompok iaitu pengusaha sawah sedia ada, usahawan padi muda dan PPK atau GLC (MADA Corp).

Pengusaha sawah sedia ada perlu meningkatkan keluasan tanaman padi sehingga lima hektar bagi mencapai pendapatan sebanyak RM400,000 sebulan, manakala usahawan padi muda melibatkan keluasan tanaman padi sebanyak 50 hektar bagi mencapai pendapatan RM15,000 sebulan.

Bagi PPK atau GLC pula, keluasan tanaman padi adalah sehingga 200 hing-

ga 1,000 hektar dan mencapai pendapatan RM100,000 sebulan serta terlibat secara langsung dalam keseluruhan rantauan nilai industri padi dan beras.

Sistematis

PPSB adalah sistem pengurusan yang dilakukan secara sistematis dan berkesan, sekali gus mampu meningkatkan hasil melalui pengurangan kos operasi termasuk memperkemasan pengurusan estet ke arah yang lebih efisien.

Program peningkatan hasil padi juga dijalankan menerusi bantuan teknologi hasil tinggi dengan amalan pengurusan ladang, penggunaan input pertanian dan pengurusan air yang dilakukan secara efisien. Teknologi terkini iaitu sistem telemetri, automasi pintu air dan radar bagi memantau pengurusan air serta sistem amaran awal pemantauan perosak dan penyakit digunakan bagi memastikan pencapaian hasil yang terbaik.

PPSB adalah projek yang akan membantu mewujudkan keuntungan kepada PPK MADA, seterusnya membawa pulang semula kepada ahli-ahli. Keuntungan bersih 27 buah PPK MADA daripada projek tersebut untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM5.5 juta atau purata RM 200,000/PPK.

Bagi merancakkan lagi program PPSB, usahawan padi termasuk usahawan padi muda akan dilibatkan. Terkini secarai 156 orang usahawan padi yang mengusahakan sawah melebihi 10 hektar telah dikenalpasti.

MADA Rice Training Centre (MRTC) juga akan diperhebatkan peranannya bagi melahirkan generasi peladang pelapis yang berdaya maju dan pembangunan pengetahuan serta kemahiran.



Teknologi baharu mendukung mesin bagi proses menanam padi mempercepatkan petani untuk mendapatkan hasilnya. Gambar kiri: Kaedah tradisional menggunakan kerbau bagi penanaman padi pada zaman dahulu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/6/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI JOHOR/ PERAK/ N.SEMBILAN	21

MBI tawar 240 jawatan pembantu awam



Rumaizi menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Penuh MBI di Dewan Mesyuarat MBI, Ipoh semalam.

IPOH - Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) menawarkan sebanyak 240 jawatan pembantu awam kepada mereka yang hilang pekerjaan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin berkata, borang-borang permohonan bagi jawatan kosong itu diedarkan kepada Ahli-ahli Majlis MBI untuk diberikan kepada mereka yang memerlukan.

“Fenomena hilang pekerjaan telah berlaku di seluruh dunia akibat Covid-19. Ramai yang terkesan antaranya diberi separuh gaji, diberi cuti ataupun dibuang kerja. Oleh itu, MBI mengambil inisiatif menawarkan 240 jawatan pembantu awam,” katanya ketika berucap pada Mesyuarat Penuh MBI di Dewan Mesyuarat MBI di sini semalam.

Menurutnya, orang ramai boleh juga mendapatkan borang menerusi laman sesawang www.mbi.gov.my serta melihat syarat-syarat kelayakan.

Dalam perkembangan lain,

Rumaizi berkata, pihaknya akan melaksanakan aktiviti pertanian berkonsepkan pertanian dalam bandar.

Jelasnya, lokasi yang dicadangkan adalah di kawasan kaki gunung yang berada di bawah pentadbiran MBI seperti Gunung Masoorat, Gunung Rapat, Gunung Tunggal, Gunung Lengkun, Gunung Panjang, Gunung Gunting dan Rotan Segar.

Bagi tujuan itu, MBI akan menyelaras aktiviti pertanian terbabit bersama agensi berkaitan yang mempunyai kepakaran dalam bidang pertanian seperti Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

“Sekiranya program ini dapat dilaksanakan mengikut kaedah ini, ia sekali gus membantu menyokong usaha kerajaan negeri dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan negara selain menjadikan Ipoh ke arah perancangan sebagai Hab Lembah Makanan,” katanya.



ABD Rahim menunjukkan produk yang dihasilkan daripada ladang miliknya.

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Seremban

Satu ketika dulu, saya suka main motor sampai jam 3 atau 4 pagi, tetapi meninggalkan aktiviti sia-sia itu selepas menerima leteran ibu dan mengusahakan projek tanaman tebu komersial," kata Abd Rahim Amil, dari Kampung Pulau Labu, Labu di sini.

Abd Rahim, 29, berkata, dia memulakan projek sebagai pembekal tebu asli itu pada awal 2011 di tanah milik ibu bapanya di kampung berkenaan membabitkan tanaman seluas 0.4 hektar.

Usahawan muda itu berkata, selepas setabum melaksanakannya, kawasan tanaman tebu diperlusi dan sehingga kini ada tiga hektar termasuk sebahagian projek di Tampin.

Menurutnya, dia pernah rugi RM60,000 pada 2018 apabila tebu ditanam di tanah disewa seluas empat hektar di Kampung Durian Daun, Rembau musnah ditenggelami air banjir.

"Ketika itu, saya hampir kecewa kerana modal besar dilaburkan ke atas projek di Rembau itu, tetapi ibu saya (Rohimah Mohd Nor, 53) serta adik beradik lain terus memberikan sokongan."

"Sokongan mereka ternyata memberi semangat kepada saya meneruskan projek tanaman tebu ini dan setakat ini ia menampakkan hasil memuaskan walaupun

Dulu rempit kini tauke tebu

Pemuda tinggal aktiviti sia-sia usaha projek tanaman sehingga tiga hektar



ABD Rahim menguruskan ladang samblil dibantu empat pekerja tempatan.

pelbagai cabaran ditempuh," katanya ketika ditemui di tapak projeknya di Kampung Pulau Labu, semalam.

Abd Rahim yang masih bujang berkata, setiap 0.4 hektar tanah mampu menghasilkan 2,000 rumpun tebu atau keseluruhan sekitar

20,000 batang. Menurutnya, tebu boleh dituai dalam tempoh lapan bulan pada tahun pertama projek itu dan antara lima ke enam bulan pada tahun kedua.

Katanya, selain untuk pasaran tempatan tebu dijual

2,000

Jumlah rumpun tebu dihasilkan di tanah seluas 0.4 hektar

pada harga antara RM2 dan RM3 sebatang itu turut dipasarkan ke Singapura melalui satu syarikat berpangkalan di Johor Bahru.

"Secara keseluruhan dalam setahun atau dua kali tuai, projek ini mampu menghasilkan 120,000 hingga 125,000 batang tebu dengan nilai jualan RM240,000 atau sekitar RM20,000 sebulan," katanya yang dibantu empat pekerja tempatan.

Abd Rahim berkata, dia mendapat tajaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) untuk mengikuti kursus pengurusan ladang selama setahun di Jepun pada 2016/2017.

Menurutnya, dia antara lima peserta terpilih daripada 50 permohonan dan ilmu serta kemahiran itu banyak membantu dalam melaksanakan projek tanaman tebu berkenaan.